

Malaysia perlukan kemahiran teknik: Mahathir

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

ZURICH, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata semalam Malaysia memerlukan pengetahuan teknik, kemahiran pengurusan, modal dan saluran pasaran eksport yang terdapat di negara-negara maju untuk menentukan kejayaannya sebagai sebuah negara perusahaan perkilangan yang sederhana.

Bellau memberitahu lebih 80 orang pengusaha dan pemodal Swiss yang menghadiri satu seminar pelaburan di sini bahawa Malaysia menyedari bahawa keperluan-keperluan bagi pertumbuhan perindustrian terdapat di Switzerland dan inilah sebab-

Oleh
HASHIM MAKARUDDIN

nya rombongan pelaburan Malaysia datang ke sini.

Seramal 60 orang wakil sektor swasta dari Malaysia lengkap dengan senarai projek-projek yang boleh diusahakan bersama dengan para pemodal Swiss juga menghadiri.

Dr. Mahathir yang mengetuai rombongan pengalakan pelaburan Malaysia ke Switzerland, Sweden dan Belanda menekankan bahawa Malaysia mempunyai sumber-sumber asli, tenaga rakyat, keteguhan ekonomi, kewangan serta kestabilan politik dan ekonomi untuk pembangunan perindustrian.

Katanya: "Apa yang kami cadangkan ialah penggabungan sumber-sumber yang terdapat di Malaysia dengan sumber-sumber di sektor perindustrian di negara ini dalam mendirikan projek-projek perkilangan di Malaysia."

"Ini akan membawa faedah bersama kepada Malaysia dan syarikat-

syarikat yang membuat pelaburan tersebut."

Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan bahawa kedatangan rombongan itu ke sini bukanlah untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang akan membuat Malaysia bersaing dengan Switzerland di pasaran dunia atau menutup peluang kerja bagi rakyat Swiss.

Katanya: "Apa yang kami usahakan ialah mencari penepatan bagi ekonomi kami supaya tenaga kerja negara ini yang mahal, terlalu sophisticated dan mahir tidak seharusnya terbuang untuk mengeluarkan barangan bermutu rendah yang banyak menggunakan buruh."

Bellau menambah mereka seharusnya digunakan untuk mengeluarkan barangan mahal supaya wajar dengan kos mereka.

Di sebaliknya, Malaysia boleh mengeluarkan barangan kurang sophisticated yang menggunakan banyak tenaga buruh serta berbagai barangan berasaskan sumber asli yang diperlukan oleh dunia.

Dengan pendapatannya, Malaysia boleh membeli barangan mahal yang ia tidak mampu mengeluarkannya.

"Jika pada peringkat yang kemudian kelak, kami dapat meningkatkan kemampuan kami, kami yakin anda juga akan mencapai demikian dan dengan itu anda masih akan mendahului kami."

No. Siri 2202
No. Penerimaan 378/6

"Oleh itu, kita sesama kita akan boleh saling membantu untuk tempoh yang lama."

Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia mempunyai harapan tipis untuk maju seperti negeri Jepun dan hal ini tidak perlu dibimbangkan oleh para pemodal Swiss atau para pekerja mereka.

Bellau berkata Malaysia menawarkan peluang kepada pihak-pihak yang ingin meluaskan perniagaan di luar negeri serta yang ingin mengekal atau menambah persaingan dalam pasaran dunia.

Pihak-pihak yang menghadapi masalah tanah sekarang ini, kesulitan tenaga dan material patut menimbangkan Malaysia sebagai tempat untuk melabur.

Dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri juga menyentuh latarbelakang politik, ekonomi, keselamatan, pembangunan ekonomi, berbagai dasar kerajaan berkaitan dengan perindustrian dan potensi minyak Malaysia.

Menyentuh potensi minyak, Dr. Mahathir berkata sebagai pengeluar dan pengeksport minyak, bahan itu dijamin mudah diperolehi di Malaysia.

Bellau memberi jaminan kepada bakal pelabur bahawa kekurangan minyak akibat pengurangan pengeluaran dunia akan mudah diatasi secara mengurangkan eksport. — Bernama.